

24/01/2005

Isu Iraq, Opec pengaruhi Indeks Komposit Bursa Malaysia

By C K Ngu

INDEKS komposit Bursa Malaysia mencatatkan kenaikan menggalakkan sebanyak 2.5 peratus sejak awal tahun ini, sebahagian besar didorong berterusannya berita baik sejak tahun lalu.

Kenaikan itu turut dibantu dengan beberapa pengumuman korporat yang menjadikan pelaburan di pasaran ekuiti lebih menarik.

Bagaimanapun, beberapa acara penting dalam beberapa minggu akan datang terutama di luar negara dijangka memainkan peranan dalam menentukan hala tuju pasaran ekuiti tempatan.

Pada 30 Januari ini, Iraq akan mengadakan pilihan raya umum pertama sejak kerajaan Presiden Saddam Hussein dijatuhkan pada 2003. Kejayaan pilihan raya itu bukan saja kritikal kepada rakyat Iraq tetapi pentadbiran Presiden Bush W Bush.

Kejayaan pilihan raya di Iraq mampu mengukuhkan rancangan Bush mengembangkan prinsip kebebasannya "ke setiap penjuru dunia yang masih dalam kegelapan". Iran mungkin menjadi sasaran seterusnya. Iraq yang kacau-bilau akan melambatkan misi Bush.

Pada hari sama, Pertubuhan Negara Pengeluar Minyak (Opec) akan mengadakan mesyuarat di Vienna, Austria. Antara agendanya ialah kemungkinan mengurangkan pengeluaran minyak ke paras yang dapat mengekang penurunan harga bahan bakar itu.

Harga minyak mentah bergerak dalam suasana tidak stabil. Jumaat lalu, kontrak hadapan Nymex minyak untuk Februari meningkat AS\$1.22 dan ditutup pada AS\$48.53 setong.

Sementara itu, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) Amerika Syarikat akan bermesyuarat pada 1 dan 2 Februari untuk memutuskan hala tuju kadar faedah di Amerika Syarikat.

Walaupun indeks harga pengguna bagi Disember menunjukkan kenaikan sederhana, pasaran menjangkakan bank pusat negara itu akan terus meningkatkan kadar faedah sebanyak 0.25 peratus kepada 2.50 peratus.

Di dalam negara, perdebatan mengenai tambatan Ringgit dihangatkan apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed membuat cadangan supaya penilaian semula dibuat berikutan kejatuhan dolar Amerika menyusutkan nilai ringgit berbanding mata wang lain.

Walaupun pihak berkuasa menolak cadangan itu ketika ini, spekulasi mengenai penilaian semula Ringgit akan terus menjadi tumpuan.

Mengambil kira Malaysia akan menghadapi isu penilaian semula ringgit, prospek Bursa Malaysia bergantung kepada kejayaan perubahan nilai tambatan sekarang. Ia akan menjadi permainan psikologi untuk mengalahkan golongan spekulator.

Bursa Malaysia meningkat ke paras tertinggi dalam 54 bulan selepas pengambilan untung sebelum cuti Hari Raya Haji terutama membabitkan kaunter berwajaran tinggi, menarik indeks komposit ke bawah.

Nilai transaksi harian meningkat kepada 683.3 juta saham minggu lalu berbanding 608.7 juta saham yang direkodkan minggu sebelumnya.

Bursa Malaysia ditutup hampir tidak berubah pada 929.72, kurang 0.02 mata berbanding minggu sebelumnya. Kontrak hadapan Indeks Komposit Bursa Malaysia untuk Januari yang diniagakan di Pasaran Derivatif (MDEX) meningkat dua mata atau 0.2 peratus untuk minggu lalu pada 927.5.

Kedudukan pasaran tetap teguh walaupun kegiatan mengambil untung akan membimbangkan pelabur.

Bursa Malaysia mencapai tahap 940.94 mata, paras tertinggi dalam tempoh

empat setengah tahun pada Rabu lalu sebelum kegiatan pengambilan untung dalam syarikat berwajaran tinggi seperti Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad menekan indeks komposit ke paras terendah dalam seminggu iaitu 926.94 mata pada hari berikutnya.

Bagaimanapun, saham murah terutama kaunter spekulatif seperti Per maju, Sanbumi dan Idaman Unggul mencatatkan rali dengan sokongan kukuh daripada pelabur runcit.

Kaunter di Papan Kedua dan Mesdaq mencatatkan kenaikan agak baik dengan indeks kedua-dua papan berkenaan mengatasi indeks Bursa Malaysia berikutan sokongan berterusan. Indeks Papan Kedua meningkat 0.34 mata atau 0.3 peratus untuk ditutup pada 114.84 manakala Indeks Komposit Mesdaq menokok 1.38 mata atau 1.1 peratus untuk mengakhiri dagangan pada minggu lalu pada 125.82 mata.

Pembetulan dua hari Bursa Malaysia minggu lalu mencetuskan petanda jualan penunjuk stochastics yang lebih kukuh berbanding petanda pertama, sekali gus menggambarkan kepada penurunan berterusan.

Indeks Kekuatan Relatif (RSI) 14 hari menunjukkan kemungkinan potensi pembetulan pasaran akan berterusan.

Purata Pergerakan Pemusatan dan Pemesongan (MACD) menunjukkan kelemahan kepada peningkatan dalam tempoh sederhana. Bagaimanapun, paras ADX berdasarkan pergerakan 14 hari DMI tetap mencatatkan peningkatan kecil, sekali gus menunjukkan kenaikan semasa tidak terjejas.

Kegiatan pengambilan untung berterusan dijangkakan minggu ini dengan paras sokongan kritikal pada 920 mata.

Bagaimanapun, potensi kemasukan dana asing ke Bursa Malaysia, disokong kenyataan Dr Mahathir mengenai penilaian semula ringgit, mampu meningkatkan minat pasaran secara keseluruhan. Halangan indeks terdekat adalah 940 mata (R1) dan pelepasan paras itu akan menyaksikan indeks mensasarkan paras halangan seterusnya pada 960 mata (R2).

(END) Source : Berita Harian